



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاِخْوَالِ الْاِكَامِ الْاِسْلَامِ كِبَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

28 REJAB 1445H/ 09 FEBRUARI 2024M

BAHANA DAGING TIDAK BERTULANG

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan dan Informasi,
Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 8/2/2024

PEGAWAI PENYEMAK : *JMV*

ABDU KHALIL BIN HASSAN
Penolong Pengarah Kanan (Unit TAKMIR-S44)
Bahagian Pentadbiran, Wilayah dan Daerah
Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA :

DIBACA PADA :

DILULUSKAN OLEH : *AS*

ADAM BIN ABDUL HAJ
KETUA PENolong PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA

“BAHANA DAGING TIDAK BERTULANG”.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنْكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُم بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ
لِكُلِّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ

عَظِيمٌ ﴿١١﴾ (النور: 24:11)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيَّ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!!

Saya berpesan kepada diri saya dan jamaah jumaat sekalian, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Dengan melaksanakan perintah Allah SWT dan meninggalkan segala yang ditegah-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi hamba yang beriman serta berjaya di dunia dan di akhirat. Pada hari yang mulia ini, khatib ingin mengajak hadirin jumaat sekalian bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk **“Bahana Daging Tidak Bertulang”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN!

Nikmat akal dan kesempurnaan tubuh badan merupakan nikmat tidak terhingga yang Allah SWT kurniakan kepada manusia. Manakala tulang empat kerat menjadi sandaran kepada otot-otot yang membentuk badan

manusia agar ia boleh bergerak dan berkerja meneruskan kehidupan di samping beribadah kepada Maha Pencipta. Manakala lidah merupakan anugerah daripada-Nya, kerana ia membolehkan manusia berkomunikasi sesama mereka, berkongsi idea, membina serta mencapai impian sekaligus mengharap keredaan Allah SWT. Terkait dengan lidah yang menjadi wasilah kepada manusia untuk saling berinteraksi dan berbicara, maka semestinya lidah juga perlu dijaga atau dipelihara daripada mengucapkan kalimah yang tidak berfaedah atau sia-sia, namun biarlah kata yang terungkap membawa manfaat dan berguna untuk manusia . Sebagaimana Firman-Nya dalam surah Al Qaaf ayat 18:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Maksudnya: Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT!

Kemajuan teknologi yang dinikmati masyarakat ketika ini menunjukkan “trend” yang agak membimbangkan. Dahulu, komunikasi hanya boleh berlaku secara bertentang mata atau bersua muka, surat-menyurat, ataupun dengan talian telefon sahaja. Kini, dengan kecanggihan teknologi internet membolehkan komunikasi berlaku dengan amat pantas . Tanpa berulas dan berkata-kata, kini jari-jemari juga turut menjadi medium yang popular pengganti kalam lidah, menaip kata bicara untuk tatapan dan perkongsian sama ada di media sosial atau mana-mana aplikasi yang digunakan .

Namun ketahuilah, adab sopan dalam berbicara mestilah diambil kira dan diutamakan. Jangan menggunakan alasan perubahan zaman dan

kemajuan teknologi , pertuturan secara sopan tidak lagi dibudayakan dan diamalkan, malahan ada sesetengah golongan yang terpengaruh dengan corak percakapan dalam media sosial seperti mencarut, berkata-kata yang kurang sopan dan tidak bersesuaian dengan gaya hidup sebagai seorang Muslim. Kesan daripada komunikasi yang tidak beradab sama ada secara lisan atau di alam maya, adakalanya boleh menjejaskan hubungan dan ukhuwah sesama insan.

Kewujudan media sosial yang membolehkan pengguna berselindung di sebalik identiti palsu turut membuka peluang kepada mereka yang berniat jahat untuk memburukkan atau menyebarkan fitnah tanpa memikirkan kesan yang boleh membawa kepada kebinasaan ummah. Rasulullah SAW pernah bersabda yang **bermaksud**: *“Tidak masuk syurga orang yang menyebarkan fitnah (mengadu domba).”* [H.R Bukhari dan Muslim)

SIDANG JUMAAT SEKALIAN!

Ketika lidah berbicara, maka seseorang itu mesti bertanggungjawab dalam segala ucapan dan penyampaiannya selain berhati-hati dalam setiap aspek yang dilakukannya. Hal ini kerana Allah SWT memandang berat terhadap perbuatan ini dan Nabi SAW memperingati umatnya supaya berhati-hati dalam menyampaikan sesuatu berita seperti hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiyallahu ‘Anhu , Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الرَّجُلَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ لَا يَرَىٰ بِهَا بَأْسًا، يَهْوِي بِهَا سَبْعِينَ خَرِيفًا فِي النَّارِ

Maksudnya: *“Sesungguhnya seseorang terkadang berbicara dengan kata-kata yang dia sangkakan tidak mengapa, lalu (tanpa diduga) dia terjerumus dengan sebabnya ke dalam api neraka yang kedalamannya sejauh perjalanan tujuh puluh tahun.”* (H.R al-Tirmizi)

Berdasarkan hadits ini, al-Imam al-Mubarakfuri dalam kitab **Tuhfah al-Ahwazi** menjelaskan bahawa sebahagian manusia memandang remeh perkataan yang diucapkannya sehingga dia tidak menyangka perkataan tersebut menjadi penyebab kepada dia dihumban ke dalam api neraka.

Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi menyatakan di dalam kitabnya "**Al-Halal Wa Al-Haram**" di mana Rasulullah SAW pernah bersabda:

شِرَارُ عِبَادِ اللَّهِ الْمَشَاوُونَ بِالنَّمِيمَةِ، الْمُفَرِّقُونَ بَيْنَ الْأَحِبَّةِ، الْبَاغُونَ لِلْبُرَاءِ الْعَيْبِ

Maksudnya: *Sejahtah-jahat hamba Allah SWT ialah mereka yang berjalan membawa mulut, iaitu mengadu domba, yang suka memecah belah antara orang-orang yang berkasih sayang, yang melampau dan mengenakan keburukan serta aib terhadap orang-orang yang suci dengan kata-kata yang jahat.* (H.R Imam Ahmad)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!!

Memetik kisah perjalanan agung Baginda Rasulullah SAW ketika Israk dan Mikraj, antara yang bole kita jadikan sebagai iktibar dan pengajaran daripada peristiwa hebat tersebut seperti yang tercatat dalam kitab "**al-Isra' wa al-Mi'raj**" karya Ibnu Hajar Al-Asqalani. Rasulullah SAW melewati sekelompok manusia yang mana daging tubuh mereka disiat siat dan disuapkan ke mulut mereka sendiri. Mereka diseru, "Makanlah! seperti dulu kamu pernah memakan daging saudaramu."

Rasulullah SAW bertanya, "Wahai Jibril, siapakah mereka?"

"Mereka adalah orang-orang yang suka memukul, menyakiti, mencemarkan nama baik, dan memfitnah orang lain dari kalangan umatmu," jawab Malaikat Jibril.

JEMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Menyimpul khutbah pada hari, khatib ingin mengingatkan para jemaah sekalian bahawa:

Pertama: Syukurilah nikmat berbicara dengan menggunakannya secara berhikmah dan berhemah.

Kedua: Elakkan dari mencaci mencerca dek emosi yang membara, sebaliknya sentiasa bersangka baik dengan semua.

Ketiga: Hidup di dunia ini sementara, akhirat menanti di sana. Oleh itu sediakanlah bekalan akhirat secukupnya.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nuur ayat 11:

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنْكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُم بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ
لِكُلِّ أَمْرٍ مِّنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ
عَظِيمٌ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat).”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا
كباوه دولي یغ ما مولیا سری قادوک بکیندا یغ دفرتوان اکوغ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ

الأعلى توان يغ تراوتام يغ دقرتوا نكري سابه .وَأَجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
المُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com